

12 NOV 1997

MTUC SERU DITUBUHKAN MAJLIS EKONOMI TIGA PIHAK

KUALA LUMPUR, 12 Nov (Bernama) -- Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) berkata hari ini sebuah majlis hal-ehwal ekonomi tiga pihak peringkat kebangsaan perlu ditubuhkan selaras dengan langkah kerajaan untuk menggerakkan rakyat dalam menentukan masa depan ekonomi negara.

Presiden MTUC Zainal Rampak berkata majlis itu hendaklah dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad manakala anggotanya dilantik daripada kalangan wakil-wakil kerajaan, majikan dan pekerja.

"Keputusan majlis itu seharusnya dicerminkan dengan sewajarnya dalam semua dokumen dasar dan peruntukan perundangan yang menyusulnya supaya dasar-dasar kerajaan difahami dengan lebih jelas dan pelaksanaannya juga lebih konsisten," kata beliau dalam kenyataan yang menyokong langkah kerajaan itu.

Dr Mahathir mengumumkan semalam bahawa kerajaan akan melancarkan kempen ke seluruh negara tidak lama lagi untuk membolehkan rakyat menyertai usaha mengawal sendiri hala tuju ekonomi negara.

Kempen itu akan mengenal pasti peranan yang boleh dimainkan oleh setiap rakyat Malaysia untuk menangkis tindakan kuasa asing tertentu yang dengan sengaja cuba merosakkan ekonomi Malaysia untuk kepentingan mereka sendiri.

"Kami bersedia menawarkan kerjasama dan perkhidmatan kami untuk memenuhi kepentingan negara dengan memberi penjelasan tentang alasan di sebalik strategi ini kepada pekerja dan rakyat amnya," kata Zainal. --

BERNAMA

AZZ NMO